

# Siswazah UPM hasilkan Vit-A-Go

KUALA LUMPUR 1 Ogos - Sekumpulan siswazah dari Fakulti Sains dan Teknologi Makanan Universiti Putra Malaysia (UPM) berjaya menghasilkan produk kesihatan daripada buah mangga ranum yang mampu mengatasi kekurangan vitamin A dalam kalangan kanak-kanak di Kenya.

Mereka terdiri daripada Mohd. Asraf Mohd. Zainudin, Tan Tai Boon, Kuan Chee Hao, Najla Gooda Sahib dan Lasekan Adeseye Opeyemi yang menghasilkan produk dikenali sebagai Vit-A-Go.



Ketua kumpulan projek berkenaan, Sew Chang Chew (**gambar**) berkata, produk daripada isi buah mangga yang dikeringkan itu mampu membekalkan nutrien vitamin A pada golongan tersebut mengikut tahap keperluan badan masing-masing.

"Ia merupakan satu lagi produk alternatif terbaik bagi kanak-kanak Kenya bagi mendapatkan vitamin A, selain mengambil secara pil.

"Produk itu juga dapat mengurangkan masalah pembaziran buah mangga yang berleluasa di Kenya," katanya pada sidang akhbar di sini hari ini.

Turut hadir Pengarah Putra Science Park, Prof. Datuk Dr. Mohamed Shariff Mohamed Din; Dekan Fakulti Sains dan Teknologi Makanan UPM, Prof. Dr. Mohd. Yazid Abdul Manap; Timbalan Dekan Bahagian Siswazah, Penyelidikan dan Inovasi Fakulti Sains dan Teknologi Makanan UPM, Prof. Dr. Son Radu dan Timbalan Pengarah Bahagian Promosi Penyelidikan dan Inovasi, Putra Science Park, Prof. Madya Dr. Samsilan Roslan.

Dalam pada itu, Chang Chew turut memberitahu kandungan vitamin A di dalam buah mangga itu dipelihara melalui pemprosesan dan keadaan penyimpanan yang betul.